

KYAN

TEATER
KEBANGSAAN

2001

22-27
OKT 2001 8.30mlm
auditorium DBKL

TANAH RONGGENG

22 Okt 2001 - TAMAN SENI BUDAYA JOHOR - JOHOR

BUMIKU OH BUMIKU

23 Okt 2001 - KELAB TEATER RIMBA, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA - SELANGOR

NUR

24 Okt 2001 - GRUP TEATER LAB (G - TEL), UNIVERSITI MALAYSIA SABAH - SABAH

MONOLOG

25 Okt 2001 - KUMPULAN AKRAB - KEDAH

EPIK SEBUAH TUGU

26 Okt 2001 - ASPEK, JABATAN PENDIDIKAN KELANTAN - KELANTAN

OBSESSI

27 Okt 2001 - PELAKON, UNIVERSITI MALAYA - WILAYAH PERSEKUTUAN

anjuran

kerjasama



TEATER
KABANGSAAN
2007
PERPUSTAKAAN
AKADEMI SENI KEBANGSAAN

Kata-Kata Aluan

**Menteri
Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia**



Terlebih dahulu saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada enam kumpulan yang telah melayakkan diri ke Pekan Teater Peringkat Kebangsaan Tahun 2001. Saya percaya ini adalah gerak kerja berkumpulan dan kesungguhan yang anda pameran telah melayakkan kumpulan anda terpilih dikalangan kumpulan yang lain di seluruh Malaysia.

Susaha yang dilakukan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk menganjurkan pertandingan Pekan Teater sesungguhnya harus dilihat secara positif dalam usaha membentuk minda masyarakat dan keperibadian hidup di abad ke 21 ini. Gejala-gejala negatif seperti budaya bepak, black metal, dadah, keruntuhan akhlak dapat dibendung sekiranya program seperti ini diadakan secara terancang dengan penglibatan golongan remaja secara menyeluruh.


Dalam abad ke 21 ini, penggiat dan aktivis harus bijak mengambil peluang untuk memanfaatkan teknologi terkini dalam menghasilkan sesebuah karya yang bermutu. Tidak mustahil jika satu ketika nanti teater boleh menjadi salah satu produk pelancongan negara.

Akhir kata setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung bagi memastikan Pekan Teater Kebangsaan 2001 ini dilaksanakan dengan jayanya.

Terima kasih.

Yang Ikhlas,

Dato' Abdul Kadir Bin Hj. Sheikh Fadzir



Kata-Kata Aluan

Ketua Setiausaha
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia



Pekan Teater Peringkat Kebangsaan merupakan gelanggang yang terbaik untuk warga teater mempamerkan kreativiti yang tersendiri. Peserta berpeluang menonjolkan kebolehan, keunikan, bagi menyerlah nilai estetika yang bermutu kepada masyarakat. Diharap program sebegini dapat mengangkat status dan martabat Malaysia sebagai pusat kesenian dan kebudayaan serantau kelak.


Sekian, terima kasih.

Dato' Tengku Alauddin Bin Tengku Abdul Majid



Kata-Kata Aluan

**Presiden
Majlis Teater Kebangsaan Malaysia (TEMA)**



Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana atas limpah kurniaNya dapat kita bertemu kembali dalam Pekan Teater Kebangsaan 2001 yang penuh bermakna ini bagi para penggiat dan peminat teater.

Para penggiat teater harus sedar bahawa dengan prasarana teater yang kian canggih, peningkatan ilmu para penggiat dan peminat teater yang kian menyerlah serta pengharapan penonton yang semakin tinggi maka semua orang teater harus bersiap sedia menampilkan satu peningkatan - bukan sahaja dari segi mutu persembahan, tetapi juga peningkatan dari segi ilmu dan daya pemikiran yang mampu menyahut cabaran alaf baru.

Kesinambungan teater tanah air yang gilang-gemilang bergantung kepada iltizam dan mutu bakat mampu kita semai yang ingin terus ditambah dan tumbuh merendang bunga dan buah. Para penggiat teater maupun mungkin sering terjerat kepada kegiatan atau pementasan teater tanpa rencana atau dirancang dengan baik pada masa lalu. Kita tidak lagi mampu mengulangi kesilapan sedemikian yang hanya merugikan dan mengakibatkan perpecahan serta pergeseran. Alaf baru ini bukan zaman beruntung sabut timbul atau malang batu tenggelam. Zaman ini menaksir susun atur dan tindakan yang menagih penglibatan, sokongan dan komitmen daripada semua pihak.

Para pentadbir, penggiat dan peminat tidak harus melihat teater hanya dari aspek lakonan pentas dan kecanggihan teknikal semata-mata, tetapi dalam konteks yang lebih luas, luar dari ruang lingkup produksi dan pementasan semata-mata yang lazimnya wujud dalam kotak fikiran para penggiatnya. Skop peningkatan ilmu dalam bidang ini serta pengurusan teater itu sendiri harus diperluaskan ke peringkat dasar dan pelaksanaannya bagi memantapkan lagi seni teater selaras dengan kepesatan teknologi maklumat dan hiburan yang semakin ketara.

Akhir kata saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua kumpulan yang bertanding dan ucapan terima kasih kepada Jawatankuasa Penyelenggara dan juga pihak-pihak yang terlibat menjayakan Pekan Teater khususnya kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang telah memberi kepercayaan kepada TEMA untuk membantu mengendalikan bersama Pekan Teater tahun ini. Selain beradu nasib dan mengasah bakat, ia juga menjadi medan kepada kita untuk menjalinkan silaturrahim di samping menyemarakkan kegiatan teater tanah air.

Ismail Kassan



Aturcara Majlis Perasmian

Pekan Teater Kebangsaan 2001 • 22 Oktober 2001

8.00 malam

Para Peserta dan Penonton mengambil tempat

8.15 malam

Ketibaan para jemputan

8.25 malam

Ketibaan Y.M. Dato' Tengku Alaudin Bin Tengku Abdul Majid
*Ketua Setiausaha,
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia*

8.30 malam

Ucapan aluan oleh En. Othman Bin Ahmad
*Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian,
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia*

8.35 malam

Ucapan Perasmian oleh
Y.M. Dato' Tengku Alaudin Bin Tengku Abdul Majid
*Ketua Setiausaha,
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia*

Penyampaian cenderamata dan sesi bergambar bersama
Pengarah-pengarah Teater

8.45 malam

Pementasan Teater oleh Kumpulan Taman Seni Budaya Johor
berjudul "*Tanah Ronggeng*"

Jamuan Ringan

Bersurai

Aturcara Majlis Penutup

Pekan Teater Kebangsaan 2001 • 27 Oktober 2001

8.00 malam

Para peserta dan penonton mengambil tempat.

8.15 malam

Ketibaan para jemputan

8.30 malam

Pementasan Teater oleh Kumpulan PELAKON,
Universiti Malaya, Wilayah Persekutuan berjudul "*Obsessi*"

Acara Selingan

Penyampaian Hadiah dan Cenderamata.

Jamuan Ringan

Bersurai

Giliran Pementasan

Giliran Pementasan

Giliran	Tarikh	Kumpulan	Negeri
1.	22 Okt. 2001 (Isnin)	Taman Seni Budaya Johor Skrip : " <i>Tanah Ronggeng</i> " Karya : WAN AHMAD ISMAIL	JOHOR
2.	23 Okt. 2001 (Selasa)	Kelab Teater Rimba, UKM Skrip : " <i>Bumiku Oh Bumiku</i> " Karya : ZAINI OZEA	SELANGOR
3.	24 Okt. 2001 (Rabu)	Grup Teater LAB (G-Tel), UMS Skrip : " <i>Nur</i> " Karya : LENNY IRWAN	SABAH
4.	25 Okt. 2001 (Khamis)	Kumpulan AKRAB Skrip : " <i>Monolog</i> " Karya : ROSNAN NORDIN	KEDAH
5.	26 Okt. 2001 (Jumaat)	ASPEK, Jabatan Pendidikan Kelantan Skrip : " <i>Epik Sebuah Tugu</i> " Karya : MASKUJI MATURON	KELANTAN
6.	27 Okt. 2001 (Sabtu)	PELAKON, Universiti Malaya Skrip : " <i>Obsessi</i> " Karya : SHARIF SHAARY	WILAYAH PERSEKUTUAN

Senarai Skrip Pekan Teater 2001

Senarai Skrip Pekan Teater 2001

1. **Hang Jebat Menderhaka**
Karya Ali Aziz
2. **Tuk Selampit**
Karya Anuar Nor Arai
3. **Tanah Ronggeng**
Karya Wan Ahmad Ismail
4. **Bujur Lalu Melintang Patah**
Karya Kala Dewata
5. **Cindai**
Karya Noordin Hassan
6. **Selendang Umi**
Karya Noordin Hasan
7. **Angin Madinah**
Karya Faizal Tehrani
8. **Bertemu Di Syorga**
Karya Samoza
9. **Sang Puteri**
Karya Johan Jaafar
10. **Rumah Kedai Jalan Seladang**
Adaptasi Johan Jaafar dari
Cerpen karya Dr. Hj. A. Samad
Ismail
11. **Bumiku Oh Bumiku**
Karya Zaini Ojea
12. **Keris Laksamana Bentan**
Karya Shahrom Husain
13. **Tetamu di Bukit Kenny**
Karya Usman Awang
14. **Epik Sebuah Tugu**
Karya Maskuji Masturun
15. **Nur**
Karya Marlenny Deen Erwan
16. **Obsesi**
Karya Sharif Shaary

Panel Penilai

Pekan Teater Peringkat Zon 2001

Prof. Datin Dr. Rahmah Bujang - Pengerusi

Prof. Madya Dr. Zainal Latiff

En. Ahmad Tarmimi Siregar Hj. Kamaruddin

En. Marzuki Ali @ Azam Awang

Puan Fauziah Nawi

Panel Penilai

Pekan Teater Kebangsaan 2001

En. Ahmad Yatim - Pengerusi

En. Othman Hafsham

En. Bayu Utomo Radjikin

Cik Husner Ahmad

En. Ismail Kassan

Hadiah

Hadiah

Juara Wang Tunai RM 6,000.00 • Piala Iringan, Piala Pusingan

Naib Juara Wang Tunai RM 5,000.00 • Piala Iringan

Ketiga Wang Tunai RM 4,000.00 • Piala Iringan

Pengarah Terbaik Wang Tunai RM 3,000 • Piala Iringan

Pelakon Lelaki Terbaik Wang Tunai RM 2,000.00 • Piala Iringan

Pelakon Wanita Terbaik Wang Tunai RM 2,000.00 • Piala Iringan

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik Wang Tunai RM 1,000.00 • Piala Iringan

Pelakon Pembantu Wanita Terbaik Wang Tunai RM 1,000.00 • Piala Iringan

Pelakon Lelaki Harapan Wang Tunai RM 500.00 • Piala Iringan

Pelakon Wanita Harapan Wang Tunai RM 500.00 • Piala Iringan

Teknik Keseluruhan Terbaik Wang Tunai RM 1,000.00 • Piala Iringan

Anugerah Khas Juri Wang Tunai RM 2,000.00

Saguhati Penyertaan Wang Tunai RM 1,000.00

Biodata

Johor

Grup Teater Taman Seni Budaya Negeri Johor

Taman Seni Budaya Johor (TSBJ) adalah sebuah organisasi sukarela kebudayaan (N.G.O.), telah diserapkan di bawah Pentadbiran Yayasan Warisan Johor (YWJ) mulai tahun 2001 dan berfungsi menjalankan kegiatan kesenian melalui Unit Produksi Taman Seni Budaya Johor yang dipimpin dan diketuai oleh Encik Zulkipli Bin Haji Mahmud atau lebih dikenali dengan panggilan Cikgu Zul selaku Penerbit Unit tersebut.

Di bawah Unit Produksi Taman Seni Budaya Johor terdapat sebanyak 7 buah unit iaitu Teater, Tari, Silat, Muzik Gamelan, Busana, kompiang/Angklong dan Muzik Ghazal yang acapkali menjalankan kegiatan kesenian dibawah kelolaan Jawatankuasa Unit (Ketua Unit) yang dilantik oleh Pengarah Yayasan Warisan Johor.

Kegiatan TSBJ berpusat di JKR 303, Jalan Mariamah Off Jalan Patrie 5/1 80100 Johor Bahru.

Pertama kali Unit Teater TSBJ menyertai Pekan Teater Peringkat Negeri Johor pada tahun 2001 dan berjaya ke peringkat Kebangsaan.

Sinopsis Tanah Ronggeng

Tanah Ronggeng memaparkan kisah satu komplot untuk menguasai kawasan di Tanah Ronggeng Seberang. Pakatan ini diketuai oleh Dato' Chong serta Sir William Clark menjadikan mangsanya ialah Tengku Laksamana Sulaiman sebagai kuasa kuat untuk memujuk bondanya iaitu Tengku Sri Kemala Melur, menjual tanah itu kepada mereka. Tengku Laksamana telah disogokkan berbagai-bagai habuan oleh Dato' Chong dan sanggup menggadaikan maruah anaknya sendiri, malang Tanah Ronggeng Seberang dan Tanah Ronggeng Bukit adalah kepunyaan Wan Kembang. Siapakah itu Wan Kembang? Di kala itu

Pengarah
Ismail Bin Abu Aris



Kencana Dewi, seorang gadis cantik ingin mempelajari seni tari daripada Tengku Sri juga merupakan seorang penari pada asalnya. Siapakah gadis itu dan apakah tujuannya? Bagaimana dengan rancangan Dato' Chong, Sir William Clark dan Tengku Sulaiman? Berjayakah mereka menguasai Tanah Ronggeng?

Senarai Peserta

1. Ismail Bin Abu Aris
2. Mohd Afendi Bin Sarban
3. Abibah Bt Abidin
4. Ismi Rehan Dewi Bt Ismail
5. R. Jamalrulzaini Bin Ibrahim
6. Jamal Bin Mohd Equash
7. Ida Maisara Bt Ahmed Taufek
8. Ruzzy Bt Taib
9. Noor Diana Bt Mohd Di
10. Rosita Bt Mohd Anim
11. Azaharuddin Bin Mohamad Isa
12. Mohd Fairus Bin Hj. Hashim
13. Yusof Bin Mahat
14. Khairul Nizam Bin Baharum
15. Ridzuan Bin Salleh
16. Mohd Zaidi Bin Yasnon
17. Shamsul Akmal Bin Hamid
18. Mohd Halim Bin Hamid
19. Mohd Shah Bin Sulaiman
20. Mohd. Razmie Bin Othman

Pengarah / Dato' Chong
Pen. Pengarah / Tengku Paduka
Tengku Sri
Kencana Dewi
Tengku Laksamana
Sir William Clark
Tengku Sri (Kecil)
Penari
Nenek Wan Kembang / Penari
Mei Li / Penari
Pak Mat Rebab
Pemuzik
Pemuzik
Pemuzik
Pemuzik
Bomoh / Krew
Penata Cahaya
Pengurus Pentas
Krew
Krew



Biodata

Grup Teater LAB (G-Tel), UMS

Sabah

Grup Teater LAB UMS telah diilhamkan oleh Andika Aziz Hussin, seorang pensyarah teater di Universiti Malaysia Sabah. Grup Teater Lab atau G-TEL telah ditubuhkan pada tahun 1997 dengan jumlah ahli seramai 20 orang terdiri dari pelajar-pelajar dari pelbagai jurusan pengajian. Menjelang tahun 1999, jumlah ahli semakin bertambah menjadi hampir 70 orang dan kebanyakannya adalah dari kalangan pelajar Sekolah Pengajian Seni.

G-TEL telah dinaungi oleh Naib Canselor UMS dan penasihat utamanya adalah Dekan Sekolah Seni iaitu Prof Madya Hj Inon Sahaharuddin Abd Rahman. Para Pembimbing G-TEL terdiri daripada pembimbing kreatif (En Andika Aziz Hussin), pembimbing teknikal (En. Mansor Sarail) dan pembimbing pengurusan (En Zairul Anuar Md Dawam).

G-TEL terbahagi kepada dua kumpulan iaitu kumpulan kreatif yang menumpukan kepada aspek persembahan dan kumpulan pengurusan yang bertindak sebagai perancang, pelaksana dan pemasaran produk persembahan. Antara matlamat G-TEL ialah mahu menjadi sebuah kumpulan teater yang mantap bukan sahaja dari segi persembahan malahan juga dari aspek pengurusan. G-Tel mahu melahirkan pelapis-pelapis aktivis teater yang bukan sahaja boleh berkarya malahan juga mengurus dengan baik. G-TEL ini telah dijadikan sebagai satu landasan praktikal utama kepada pelajar yang menjurus di dalam bidang seni teater.

Sepanjang penubuhan G-TEL, ia telah terlibat di dalam tiga sesi pertandingan Pekan Teater Sabah bermula tahun 1998 (Patung-Patung), 1999 (Sasau), 2000 (Ajong) dan 2001 (Nur). Kejayaan G-Tel di dalam arena Pekan Teater Sabah dapat diukur dalam masa yang begitu singkat. Pada tahun 1999, G-TEL telah berjaya merangkul satu anugerah iaitu Pelakon Lelaki Terbaik (Rozdan Mazalan) dan tahun 2000 (Pelakon Pembantu Wanita Terbaik (Suria Mohd Yunus) dan Teknik Terbaik dan tahun 2001 G-TEL telah mencipta sejarah teater Sabah dengan merangkul enam daripada tujuh anugerah termasuklah Pengarah Terbaik (Hafez Azwan Darwis), Pelakon Lelaki Terbaik (Isa Romtie), Pelakon Wanita Terbaik (Tasia Arlina Ismail), Pelakon Pembantu Wanita Terbaik (Suria Mohd Yunus), Teknik Terbaik dan Johan Pekan Teater Sabah dan Zon Timur I.



Pengarah
En. Hafez Azwan Darwis



Sinopsis Nur

"NUR" cuba menyingkap tema universal yang menelusuri kepincangan masyarakat dalam hubungan sosial. Lingkaran yang menyoroti "NUR" adalah cermin kehidupan Nur Aini yang berlaku. Di sebalik kelembutan tersingkap emosi menggila. "NUR" menyimpan masa lalunya yang malang dan penuh tragis. Nilai kepercayaan telah lenyap dan yang wujud hanya misteri dendamnya yang menuntut untuk dileraikan. Protagonis "NUR" hanya menunggu masa dan ketika untuk memuntahkan lahar beracun pada mangsanya.

Siapakah mangsanya yang mencipta malang padanya. Pembohongan adalah prinsipnya yang berjaya menutupi dirinya yang sebenar. Tersingkapkah nanti topeng penuh kepuraan. Di matanya tersimpan api dendam yang masih menyala. Tunggulah kehadirannya bersama dendam dan seribu satu pembohongan. Sebentar lagi...Sebentar lagi..... Sebentar lagi.

Senarai Peserta

En. Andika Aziz Hussin
 En. Mansor sarail
 Tasia Arlina Ismail
 Hafez Azwan Darwis
 Suria Md. Yunus
 Rosliha Sameh
 Norsyafini Ahmad Zaini
 Norsalviena Alwee
 Isa Romtie
 Jainah Ngoai
 Lanyau Sandin
 Norlila Alan
 Jasni Juhuri
 Mohd Tahir Meka
 Stella Nasip
 Juzaidy Selamat
 Rimong Mullok
 Rahimah Jais

Pegawai Pengiring Kreatif
Pegawai Pengiring Teknikal
Pelakon
Pengarah / Pelakon
Pelakon
Pelakon
Pelakon
Pelakon
Pelakon
Pelakon
Pelakon
Pelakon
Penata Cahaya
Penata Set



Biodata

Grup Teater Anak Seni Pendidikan Kelantan (ASPEK)

Telah ditubuhkan pada bulan Januari 2001 dengan 25 orang ahli yang terdiri dari kalangan warga pendidik dan pelajar-pelajar sekolah.

Objektif : Untuk mencungkil dan mengengahkan bakat-bakat seni di kalangan guru dan pelajar ke peringkat yang lebih jauh. Di samping itu kumpulan ini juga ingin turut mewarnai dan memberi nafas baru kepada seni persembahan teater di negeri Kelantan.

Penglibatan : Semua ahli mempunyai pengalaman dalam aktiviti kesenian dan kebudayaan. Ada di antara mereka pernah terlibat dalam pertandingan-pertandingan drama anjuran Teknik Kebudayaan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Kelantan atau MSSK sehingga berjaya mewakili negeri ke peringkat kebangsaan.

Sebahagian ahli pernah terlibat dalam sketsa Seni Pendidikan Pencegahan Dadah anjuran Unit Anti Dadah dan sketsa Kerjaya Sains & Teknologi anjuran Unit Kaunseling, Jabatan Pendidikan. Ahli-ahlinya pernah melibatkan diri dalam pertandingan dikir barat, deklamasi sajak peringkat negeri dan kebangsaan. Disamping itu, ahli-ahlinya juga berpengalaman dibidang drama, penulisan skrip drama dan novel.

Pencapaian : Johan Pekan Teater Peringkat Negeri 2001 dengan memenangi anugerah Pelakon Perempuan Terbaik, Pelakon Terbaik, Pelakon Pembantu Lelaki terbaik, Pelakon Pembantu Perempuan Terbaik dan Anugerah Khas Juri.

Naib Johan Pekan Teater Peringkat Zon Timur 2001 dengan memenangi anugerah Pelakon Perempuan Terbaik.

Misi : Untuk memastikan kumpulan dapat melibatkan diri dalam apa juga kegiatan yang berkaitan dengan kebudayaan dan kesenian.

Motto : Kegagalan bukanlah titik akhir perjuangan kami.



Pengarah
En. Muhamad Zaidin Hussin

Sinopsis **Epik Sebuah Tugu**

Epik Sebuah Tugu adalah sebuah teater yang diadun dengan kepelbagaian unsur seni... yang cuba merungkai jiwa dan semangat seorang insan yang dilupakan sisa-sisa perjuangannya.

Dalang Dolah, bekas anggota tentera, tertekan dan kecewa lantaran seni wayang kulitnya dipersendakan dan tidak dipedulikan orang. Apatah lagi perjuangannya membela tanahair juga dilupakan. Jiwanya cukup tersentuh apabila mengingatkan ASROL dan SAMSAH, dua orang cucunya yang disangka turut menentang.

Atma perjuangan Dalang Dolah ini digarap dengan kemunculan watak-watak wayang kulit iaitu Seri Rama, Sita Dewi, Pak Dogol dan Wak Long ... yang turut meluahkan perasaan kerana permainan seni itu semakin dipinggirkan. Kehadiran watak-watak Anggota Tugu yang diberi peluang 'hidup' juga menyuarakan kekecewaan anggota tentera yang dilupakan jasanya.

Hebatnya semangat perjuangan menentang penjajah diperkuatkan lagi dengan kemunculan Datu Langkap, tokoh sejarah pejuang Melayu Sabah menentang Inggeris sebagai lambang semangat dan jiwa pejuang Melayu seperti Dalang Dolah menentang penjajah. Diselitkan juga dengan kesilapan orang Melayu sejak zaman berzaman melalui kemunculan watak Hang Tuah dan Hang Jebat.

Walau bagaimana pun perjuangan seni dan semangat membela tanahair akhirnya mendapat pembelaan sewajarnya.

Senarai Peserta

- | | | |
|-----|------------------------------------|--|
| 1. | Muhamad Zaidin B. Hussin @ J'Deen | <i>Pengarah</i> |
| 2. | Mohd Gulam B. Jamaludin | <i>Pengarah Teknik</i> |
| 3. | Roslan B. Mohamed | <i>Datu Langkap / Hang Jebat (Krew)</i> |
| 4. | Noormaziah Bt. Yaacob | <i>Dang Wangi / Penari 2 (Jurusolek)</i> |
| 5. | Ahamd Fared B. Mohd Afendi | <i>Dalang Dolah</i> |
| 6. | Kumaresh A/L Anngmuthu | <i>Seri Rama (Prompter)</i> |
| 7. | Qhasran B. Hussin | <i>Lebai Mamat / Wakil Raja / Wak (Krew)</i> |
| 8. | Rabiatul Adawiyah Bt. Ab. Majid | <i>Samsiah</i> |
| 9. | Marhaddi B. Mohd Nor | <i>Wak Long / Pembawa Cerita(Krew)</i> |
| 10. | Noor Najmien Bt. Muda | <i>Anggota 4</i> |
| 11. | Somini Devi A/P Vello | <i>Sita Dewi</i> |
| 12. | Johan B. Mazlan | <i>Anggota 1 / Nik (Pemain Gendang)</i> |
| 13. | Mohd Nazzim B. Rhasdi | <i>Anggota 2 / Anak Buah 1</i> |
| 14. | Mohd Fitriman B. Md Zain | <i>Asrol / Hang Tuah/Polis 1 (Krew)</i> |
| 15. | Khazwan B. Ghazali | <i>Pak Dogol (Pemain Gong)</i> |
| 16. | Mohd Hisham B. Ismail | <i>Polis 2 / Penari 4 (Krew)</i> |
| 17. | Md. Arbi B. Che Cob | <i>Wartawan / Darah / Penari 1 (Kostum)</i> |
| 18. | Muhammad B. Che Cob | <i>Anggota 3 / Anak Buah 2</i> |
| 19. | Mohd Haizatul Farhan B. Ab. Rahman | <i>Barah / Penari 3 (Jurusolek)</i> |
| 20. | Syahril Azrin B. Mohd Noor | <i>Krew Pencayaan</i> |



Biodata

Grup Teater Rimba, ARTISUKMA (UKM)

Selangor

Kelab Teater Rimba telah ditubuhkan pada tahun 1992. Pada waktu itu, ia dikenali sebagai Kelab Teater, Unit Kebudayaan dan keahlian hanya seramai 6 orang sahaja. Setahun kemudian, kelab ini telah ditukarkan namanya kepada Kelab Teater Rimba. Perkataan 'Rimba' itu telah diilhamkan melalui nama pembimbing kelab iaitu En. Diani Hj Kasion yang lebih dikenali sebagai 'Kancil'. Sajak dari itu, ahli Kelab Teater Rimba mula bertambah dan kini ahlinya seramai kira-kira 60 orang yang datangnya dari pelbagai bidang dan fakulti di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Objektif

- 1) Menghidupkan seni budaya dikalangan mahasiswa/i kampus.
- 2) Menambahkan ilmu pengetahuan dalam pementasan teater dan apresiasi teater.
- 3) Melahirkan ahli teater kampus yang berpengetahuan, bermotivasi, berkemahiran dan berpengalaman.
- 4) Menyediakan latihan yang khusus dan pendekatan yang lengkap dalam lakonan, pengarah dan penataan artistik.

Sinopsis **Bumiku Oh Bumiku**

'Hak tetap Hak' ...mungkin sinonim dengan masyarakat Kampung Kepayang. Namun mereka tidak menyedari bahawa kata-kata hanya bukan sekadar kata-kata... kata-kata memerlukan tindakan dan muafakat. Teater ini menyingkap pergolakan hidup masyarakat



Pengarah
Cik Siti Maszura Manap

Kampung Kepayang yang merasakan 'hak' mereka telah dicabuli. Mereka merasakan bahawa pembukaan kilang di kampung itu sekadar melukut di tepi gantang. Hasil bumi dirampas oleh kilang yang tidak membantu meningkatkan taraf hidup penduduk. Merasakan yang dirinya diperlukan, Galang berusaha mempertahankan 'hak' namun semangatnya bagaikan dipasak jatuh terjelepek hingga diri sendiri tidak pasti samada untuk terus berjuang ataupun lari ke kota. Keputusan telah dibuat namun ia hanya mengundang penyesalan tak sudah

Senarai Peserta

- | | |
|-----------------------------------|---|
| 1. Siti Maszura Manap | <i>Pengarah/Pengurus Pentas</i> |
| 2. Angela Ho Suet Fong | <i>Pengarah Produksi Dan Props</i> |
| 3. Mohd Faisal Mohd Hassan | <i>Pengarah Teknikal</i> |
| 4. Maslinawati Mohd Yusof | <i>Pengarah Audio</i> |
| 5. Norela Bt. Haji Ibrahim | <i>Pengarah Costume</i> |
| 6. Khairul Nazlee B. Mohd Nor | <i>Galang</i> |
| 7. Jacelyn Mah Lay Khuan | <i>Dara / Orang Kampung 8</i> |
| 8. Ahmad Zafir B. Abd. Wahab | <i>Jalek</i> |
| 9. Mohd Azli B. Othman | <i>Tahot</i> |
| 10. Md. Rozalafri B. Johori | <i>Bujang</i> |
| 11. Mohd Airi B. Semin | <i>Ramli</i> |
| 12. Nor Farid Yaakub B. Raman | <i>Lamin</i> |
| 13. Mohammad Faisal B. Salim | <i>Tok Penghulu / Orang Kampung 5</i> |
| 14. Nor Azlan Shah Mohd Redhuan | <i>Pak Ato</i> |
| 15. Marshazliyana Bt. Md. Sharif. | <i>Pengurus Besar / Orang Kampung 2</i> |
| 16. Siti Syarina Bt. Abdul Khalid | <i>Orang Kampung 1</i> |
| 17. Kurnia Hasna Bt. Hamat | <i>Orang Kampung 3</i> |
| 18. Gafor B. Abdul Rajul | <i>Orang Kampung 4</i> |
| 19. Alfian B. Sambas | <i>Orang Kampung 6</i> |
| 20. Hanizan B. Che Mat | <i>Orang Kampung 7</i> |



Biodata

Grup Teater AKRAB

Kedah

Penggerak Warisan Budaya atau lebih dikenali AKRAB, telah ditubuhkan pada awal 1998. Ahlinya dikalangan remaja sekitar Alor Setar yang cuba untuk memperjuangkan seni dan budaya dan perjuangan yang diketengahkan meliputi secara tidak rasmi pada 1998 membuat ramai yang mula mempercayai semangat juang pertubuhan ini dalam memperjuangkan kesenian semakin membara apabila AKRAB secara rasminya didaftarkan dan kini penglibatannya semakin mendapat perhatian masyarakat.

Ini terbukti dengan penglibatan AKRAB di dalam pelbagai kegiatan seni dan budaya seperti Pekan Teater setiap tahun (Pernah mewakili negeri ke Peringkat Zon pada tahun 1998, tempat ke 3 Peringkat negeri tahun 2000 dan pada tahun 2001 ke Peringkat Kebangsaan). Selain itu AKRAB juga terlibat dalam Festival Tari Kebangsaan, Pertandingan dan Nyanyian & Band Kugiran, Pembacaan Puisi, Citrawarna, Koir, Marsyall, Summer Camp, Musikal P.Ramlee Persembahan Teater (Perdana, Experimental, Amal, Keliling) Bangsawan, Pantun untuk RTM, lakonan dalam Filem, Drama TV & Rancangan Khas Kembara dan terlibat dengan pelbagai kegiatan seni dan budaya yang dianjurkan oleh Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kedah.

Harapan AKRAB, satu hari nanti, pertubuhan ini akan menjadi pemangkin kepada masyarakat dan organisasi tertentu dalam memperjuangkan dan menimbulkan semula rasa cinta kepada warisan seni dan budaya khususnya dalam bidang teater serta memertabatkan seni bangsa kita.

"Seni dan Budaya Manifestasi Bangsa"



Pengarah
Saipol Bahari Mohd Iman

Sinopsis Monolog

Pertembungan dunia selari yang berbeza antara pendapat, kritikan, penjelasan dan sejarah dalam satu jasad yang sama. Antara benar atau tidak !. Monolog cuba mempersoalkan tentang sejarah silam, keterbalikan cerita dan mengheret ke muka pengadilan. Diakah Tuah..! Atau diakah Jebat ! Kewujudan dunia ketiga sebagai ilusi cerita mengeret lagi persoalan yang muncul.

Monolog dipersoalkan dan dikatakan sebagai satu hasutan. Pendawaan dan pertikaian membabitkan soal maruah, hak dan kebenaran. Tuah menderhaka....! Layakkah Tuah bertukar menjadi Jebat..... Mempertahankan pengorbanannya! Perluakah Sultan Melaka kembali membela dan merebut takhta ! Dapatkah sejarah diterbalikkan ...!

Senarai Peserta

- | | | |
|-----|--------------------------|-----------------------------------|
| 1. | Mohd Kahiril Mohd Salleh | <i>Peguambela</i> |
| 2. | Mohd Jawahir Jaafar | <i>Pendakwa</i> |
| 3. | Norlliza Abdul Aziz | <i>Chorus</i> |
| 4. | Nor Ezani Hashim | <i>Dang Anum</i> |
| 5. | Ismail Adam | <i>Sultan</i> |
| 6. | Md. Hairi Hanafi | <i>Chorus</i> |
| 7. | Nor Azreen Aznan | <i>Dang Wangi</i> |
| 8. | Wan Suhairi Wan Senu | <i>Hakim</i> |
| 9. | Zulrusdi Ismail | <i>Mamak Bendahara</i> |
| 10. | Adzaham Hamidon | <i>P. Pentas</i> |
| 11. | Fariz Reza Abdul Ghani | <i>Penata Lampu</i> |
| 12. | Nurlizawaty Mohd Ismail | <i>Juru Make Up</i> |
| 13. | Yuszainizam Mohd. Yusoff | <i>Penata Bunyi</i> |
| 14. | Omar Hashim | <i>Penata Busana</i> |
| 15. | Saipol Bahari Mohd Iman | <i>Pengarah</i> |
| 16. | Mohd Suhaimi Salleh | <i>Chorus</i> |
| 17. | Noordin Ahmad | <i>Pengurus / Produksi Pentas</i> |
| 18. | Ira Fazir Bin Ishak | <i>Pengurus Panggung</i> |
| 19. | Saiful Azwan Abdul Aziz | <i>Penulis / Tuah / Jebat</i> |
| 20. | Kyairull Abdul Halim | <i>P. Pentas</i> |



Biodata

Grup Teater Pertubuhan Pentas Lakon, PELAKON (UM)

Wilayah Persekutuan

Pelakon atau Pertubuhan Lakon adalah sebuah persatuan pelajar yang berdaftar di bawah kegiatan pelajar, Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaya. Sebuah badan yang menggabungkan tenaga pelajar dengan kakitangan universiti yang berkecimpung dalam dunia seni lakon di kampus Universiti Malaya. Diasaskan oleh Said Halim Said Nong (kini Prof. Madya dan sebagai Pengarah Pusat Kebudayaan Universiti Malaya) pelajar dari Jabatan Pengajian Melayu pada 1981/82.

Pada tahun 1997/88 atas inisiatif pelajar dari Akademi Pengajian Melayu iaitu saudara Ramzi Ramli dan Saudara Noor Rahmat Shah haron (Pelajar dari Fakulti Ekonomi) serta sokongan daripada Hj. Zubir Ali (Tim. Pengarah Pembangunan) serta Tn. Said halim Said Nong (Tim. Pengarah Akademik ketika itu) maka PELAKON sepenuhnya diaktifkan kembali. Kini PELAKON digerakkan oleh pelajar-pelajar Pusat Kebudayaan dan pelajar-pelajar dari fakulti luar di bawah nasihat dan seliaan dari Pusat Kebudayaan yang menyediakan ruang dan keperluan untuk tujuan tersebut.

Pelakon adalah sebuah organisasi yang menjalankan kegiatan kesenian yang berbentuk ilmiah seperti puisi, seminar kesenian dan sastera, serta pementasan teater moden dan tradisi.

Pencapaian pelakon dalam Pekan Teater peringkat Wilayah Persekutuan

- 1998**
 - Baju Emas Sang Maharaja karya Johan Jaafar
 - Arahan Ramzi Ramli
 - Tempat ke 2
 - Pelakon Lelaki Terbaik oleh Rosdeen Suboh

- 1999**
 - Wau Bulan karya Ali Jusoh
 - Arahan Fadzli Khalid
 - Tempat ke 2



Pengarah
Mohd. Effindi bin Samsuddin

- 2000**
- Kursi karya Marzuki Ali
 - Arahan Azim Ibrahim
 - Anugerah Kumpulan Harapan
 - Teknik Terbaik

- 2001**
- Obsessi karya Sharif Shaari
 - Arahann Mohd Effindi Samsudin
 - Johan
 - Pengarah Terbaik oleh Mohd. Effindi Samsudin
 - Pelakon Lelaki Terbaik oleh Syahrul Fithri Musa
 - Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik oleh Rosdeen Suboh
 - Teknik Terbaik

Senarai Peserta

- | | |
|-----------------------------------|-----------------------------------|
| 1. Mohd Effindi B. Samsuddin | 11. Rosnani Bt. Seman |
| 2. Syahrul Fithri B. Musa | 12. Mohd Azam B. Abd. Aziz |
| 3. Rosdeen B. Suboh | 13. Mohd. Rafin B. Shafie |
| 4. Aida Nurul Ain Bt. Abd. Rahman | 14. Mohd Noor B. Mustaffa |
| 5. Ramzi B. Ramli | 15. Loy Chee Luen |
| 6. Dorothy Jonathan Linggang | 16. Azizi B. Mohd Said |
| 7. Hushairi B. Husain | 17. Nik Erni Azlinda Bt. Abdullah |
| 8. Tam Yuet Yoong | 18. Azlinda Bt. Hussin |
| 9. Idham Hadi B. Md. Nor | 19. Normala Bt. Mohamed |
| 10. Wira Budiman B. Azizan | 20. Muhamad Zamri B. Din |



Jawatankuasa Penganjur

Jawatankuasa Penganjur

Penaung Y.B. Dato' Abdul Kadir Sheikh Fadzir
Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia

Penasihat Y.M. Dato' Tengku Alauddin Tengku Abd. Majid
*Ketua Setiausaha
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia*

Pengerusi En. Othman bin Ahmad
*Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia*

Setiausaha En. Mohd Sukarno bin Abd. Wahab
*Ketua Penolong Setiausaha Cawangan Pengembangan Seni,
Bahagian Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia*

Penolong Setiausaha En. Zaifri bin Husin
*Penolong Setiausaha
Unit Teater, Cawangan Pengembangan Kesenian,
Bahagian Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian*
En. Amilizan bin Mazlan • En. Saifulkhairi bin Ahmad
*Pegawai Kebudayaan
Bahagian Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian*

Ahli Jawatankuasa En. Zaini b. Nyak Othman
*Ketua Penolong Setiausaha
Cawangan Pengembangan Budaya
Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia*

Pn. Hjh. Halijah Bt. Othman
*Timbalan Ketua Pengarah Pentadbiran dan Kewangan,
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur*

Pengarah-Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri

Jawatankuasa Kecil Penginapan, Pendaftaran dan Kebajikan

En. Farman Bin Othman • Pn. Roziah Bt Basri • En. Shahrom M. Noor • Pn. Zaiton Hussin

Jawatankuasa Kecil Jamuan

En. Md. Juara Bin Salleh • En. Mastari Kanjabun

Jawatankuasa Kecil Jemputan Dan Protokol

Cik Siti Awan Bt. Pardi • Cik Norlelah Bt. Abd. Karim • En. Othman Zaharuddin • En. Azhar Bin Latip •
En. Roslan Bin Madun

Jawatankuasa Kecil Hadiah dan Cenderamata

Cik Noor Hanida Bt. Shaari • Pn. Fariza Bt. Ahmad • Cik Saadiah Bt. Hassan

Pereka En. Nazali Bin Abd. Wahab

Video Istana Budaya

Jawatankuasa Kecil Pemeran

En. Zaman Bin Sulieman • En. Ibrahim Bin Akir • Cik Nurazlina Bt Jamalluddin • En. Sakrani B. Shamsuddin •
En. Shahrom Bin M.Noor • En. Othman Zaharuddin • En. Azhar Shah Bin Ibrahim

Jawatankuasa Kecil Pengangkutan

En. Amilizan Bin Mazlan • En. Ridzuan Bin Kamaruddin • En. Zanuddin Bin Ahmad Din

Jawatankuasa Kecil Pementasan dan Teknikal

En. Nordin Md. Noor • En. Saifulkhairi Bin Ahmad • En. Abdul Hamid Bin Abd. Aziz • En. Yunus Bin Hj. Abu Bakar •
En. Majid Bin Sulaiman • En. Zukri Bin Jantan • En. Taigar Aman Nayan • Zulkifli Mohd Syah • Yarieb Talib •
Anuar Yusof • Mohd Aris Nazarudin

Jawatankuasa Kecil Publisiti En. Saifulkhairi bin Ahmad • Mohd. Amran bin Mohd Haris

Jawatankuasa Kecil Percetakan dan Penerbitan En. Amilizan bin Mazlan • En. Nazali bin Abd. Wahab

Jawatankuasa Kecil Panel Penilai Pn. Roziah bte Basri

Penyambut Tetamu

En. Othman Bin Ahmad • Cik Wan Ruhani bte Ibrahim • Pn. Norlijah bte Darus • Pn. Norziah bte Abdul Majid • Pn. Zainah bte Hamijan •
En. Amir Nizamuddin Ahmad Mokhtar • En. Mohd. Fadzil Mohamad Atan • Pn. Noraini bte Suidin

Pegawai Bertugas

En. Salehuddin bin Md. Salleh • En. Mohd. Zin bin Mohd. Sahid • En. Mohd. Husin bin Yahaya •
En. Che Kassim bin Mahmud • Pn. Zahana bte Bidin • En. Zubaidah bte Mukhtar

Ahli Jawatankuasa

Majlis Teater Kebangsaan

Ahli Jawatankuasa Majlis Teater Kebangsaan

Presiden

Ismail Kassan

Timbalan Presiden

Ibrahim Akir

Naib Presiden I

Latif Ariff

Naib Presiden II

Othman Zaharuddin

Setiausaha Agung

Zaiton Hussin

Ahli Jawatankuasa

Haji Said Nordin

Rosli Mohd Rauf

Othman Haji Zainuddin

Haji Wan Ahmad Wan Ismail

Roslan bin Madun

Bahadun Salleh

Azhar Latip

Mohd. Azhar Che Ros

Diani Kasian

Shariffudin

Faziah Sulaiman

Shahrom M. Noor

Shakrani Samsuddin

Azlan Shah B. Ibrahim

Imbasan

PekanTeater Kebangsaan 2000

Imbasan Pekan Teater Kebangsaan 2000

JOHAN

Kelab Teater Rimba, UKM
Selangor

PATUNG-PATUNG



NAIB JOHAN

Kumpulan Giat Budaya,
Wilayah Persekutuan

ANTARA

TIGA

kasar,
at Pengajian Seni,
, Pulau pinang



Penghargaan

Kementerian Kewangan
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Polis DiRaja Malaysia
Majlis Teater Kebangsaan (TEMA)
Majlis Teater Kuala Lumpur
Utusan Malaysia
Media cetak
Media elektronik
dan

Semua yang terlibat menjayakan Pekan Teater Kebangsaan 2001 ini secara langsung atau tidak langsung.

Terima Kasih

